

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KAPAR ]**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan dan perancangan untuk menjamin kestabilan politik dalam menjamin pertumbuhan ekonomi yang lebih baik untuk negara.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pandemik Covid-19 telah memberi kesan luar jangka terhadap ekonomi global dan domestik. Tumpuan Kerajaan pada masa kini adalah untuk memastikan pelan pemulihan pasca Covid-19 dapat digerakkan dengan lebih cepat dan dapat memberi kesan positif kepada rakyat dan negara.

Kerajaan bertekad untuk terus meletakkan Malaysia di landasan yang betul dan akan terus memantau keberkesanan pelaksanaan pelan pemerkasaan ekonomi negara melalui pelan jangka masa panjang, jangka masa sederhana dan jangka masa pendek. Antaranya ialah seperti Belanjawan 2021, Rancangan Malaysia ke-12 (2021 hingga 2025) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Beberapa dasar nasional negara juga akan sentiasa disemak dan diperhalusi dari semasa ke

## SOALAN NO : 20

semasa supaya ianya bertepatan dengan keperluan dan kehendak semasa seperti Dasar Industri Nasional 4.0 (Industri4IR), Pelan Induk Ekonomi Digital dan sebagainya. Selain daripada itu, peranan sektor awam dan swasta juga akan diteliti semula dalam menyokong pertumbuhan dan kelestarian ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus **memperkasa dan menyusun semula ekonomi** bagi memastikan kemampanan masa hadapan dan kemakmuran bersama. Aspirasi ini penting untuk memacu ekonomi ke arah trajektori pertumbuhan yang lebih tinggi dan inklusif. Fokus utama Kerajaan tertumpu kepada **penstrukturan dan penambahbaikan ekosistem perniagaan dan industri** negara untuk mendorong ke arah transformasi ekosistem perniagaan, industri dan usahawan. Selain itu, Kerajaan juga tidak ketinggalan untuk melihat betapa pentingnya **pembangunan modal insan** negara bagi menghasilkan bakat yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi, kompetitif, produktif serta relevan dengan kehendak industri.

Dalam masa sama, Kerajaan akan bersikap proaktif untuk memastikan **pengurusan fiskal dan kewangan** yang sihat serta perjalanan ekonomi Malaysia yang lancar. Kerajaan juga akan memastikan langkah berterusan untuk **pembangunan teknologi tempatan** agar kelancaran dan daya pengeluaran di peringkat global dapat ditingkatkan. Kerajaan akan terus meletakkan syarikat di negara ini berdepan dengan semua saingan di bawah kuasa persaingan antarabangsa. Justeru, Kerajaan bertekad untuk **mempelbagaikan barangan eksport** dan terus kekal dengan pertumbuhan berasaskan eksport.

Sesungguhnya Kerajaan yakin melalui pelbagai strategi dan langkah proaktif, ekonomi Malaysia akan lebih berdaya tahan dan seterusnya berjaya merangsang semula pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD  
BIN HAJI MASLAN [PONTIAN]**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [ PONTIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklum balas kepada semua pertanyaan dan permohonan yang saya sudah buat secara bertulis dan sudah diberi kepada Kementerian ketika Dialog Belanjawan 2021 pada sesi Parlimen yang lepas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman, Kementerian Kewangan telah melaksanakan beberapa sesi libat urus dan konsultasi bagi proses perolehan input Belanjawan 2021. Sesi Konsultasi Belanjawan 2021 ini telah melibatkan 13 Negeri di seluruh Malaysia dan 33 Kumpulan Fokus secara keseluruhannya bagi memastikan cadangan Belanjawan 2021 dapat dirangka secara holistik. Lebih 6,600 cadangan dan maklum balas diterima daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada wakil parti politik, industri, NGO, PKS, persatuan dan individu.

2. Di bawah Belanjawan 2021, lebih 260 inisiatif telah diperkenalkan bagi mencapai matlamat tahun hadapan iaitu kesaheraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi. Kementerian Kewangan sentiasa berusaha untuk memastikan setiap cadangan dan permohonan semasa sesi libat urus tersebut dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam Belanjawan 2021 tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Sekian, terima kasih.